

04 SEP 1997

Mahathir-Projek

PROJEK BAKUN DAN BEBERAPA PROJEK BESAR DITANGGUH

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beberapa projek besar termasuk projek hidro elektrik Bakun berharga RM13.6 bilion ditangguhkan akibat krisis matawang sekarang berikutan kejatuhan nilai Ringgit.

Perdana Menteri membayangkan bahawa projek lain yang mungkin ditangguhkan ialah pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Kedah, projek Linear City di sini dan lebuhraya menghubungkan tiga kawasan tanah tinggi di banjaran gunung utama di Malaysia.

"Tempoh penangguhan itu bergantung kepada berapa cepat kita dapat memulihkan keadaan," kata beliau pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang ialah antara beberapa projek penting yang akan diteruskan mengikut jadual.

Beliau juga berkata usaha akan diteruskan bagi mengurangkan kos dengan mengurangkan import terutama barangan mewah serta jentera yang terdapat di negara ini.

"Ada cara lain untuk berbuat demikian, kita mungkin mengeluarkan lebih banyak gas. Seperti yang anda tahu, kita telahpun mengeluarkan banyak minyak untuk eksport bagi mendapatkan lebih banyak pertukaran luar," kata beliau.

Mengenai penangguhan projek Bakun, Dr Mahathir menganggarkan bahawa kosnya mungkin 20 peratus lebih jika Ringgit berada di paras rendah bergantung kepada berapa banyak komponen tempatan dipakai dalam projek itu.

"Yang jelas, kita boleh membina empangan ini tanpa menggunakan beberapa import asing," kata beliau.

Beliau bagaimanapun berkata projek Bakun tidak dapat dibatalkan kerana lebih RM100 juta telah dibelanjakan untuk membina terowong.

"Kita mungkin menangguhkannya untuk sebab-sebab tertentu yang antaranya ialah nilai Ringgit telah menurun dan kosnya dalam konteks Ringgit mungkin lebih tinggi, Jadi kita mungkin melebarkannya untuk tempoh yang lama dan ini meliputi projek lain," kata beliau.

Dr Mahathir berkata nilai Ringgit sekarang rendah dan oleh itu sebarang pembelian barangan import akan menyebabkan kosnya lebih tinggi dalam Ringgit dan oleh kerana beberapa kerja terpaksa dijadualkan semula, kebanyakan apa yang dipanggil projek besar ditangguhkan.

Perdana Menteri mengucapkan "tahniah" kepada golongan yang tidak mahu melihat projek Bakun siap menjelang tahun 2003 kerana mereka telah dapat mencapai matlamat mereka.

"Saya mengucapkan tahniah kepada mereka, mereka meminta kita jangan melakukan ini, kita teruskan berbuat demikian dan sekarang mereka menjadikan kita lebih miskin, apabila kita miskin, kita tidak mampu," kata beliau. -- BERNAMA

AFY SHO FAZ